


AKTIVITI 2016

Badan Kebajikan Agama Islam (BAIS)



Program Infaq Ramadhan

Sepanjang 2016 Program Infaq Ramadhan telah diadakan bagi memberikan peluang kepada warga Arkib Negara Malaysia bersedekah di bulan penuh keberkatan. Agihan Moreh seperti sebekas Kurma setiap seorang dan moreh-moreh lain turut di agihkan sepanjang bulan Ramadhan.

Majlis Berbuka Puasa

Majlis Berbuka Puasa dan Solat Sunat Tarawih anjuran Jabatan dan BAIS telah diadakan pada 18 Julai 2016. Pengisian program bermula dengan Majlis Berbuka Puasa, Solat Maghrib berjemaah, tazkirah ringkas, Solat Isyak berjemaah, Solat Tarawih berjemaah dan diakhiri dengan jamuan moreh.

“Sesiapa yang berpuasa Ramadhan dengan penuh keimanan dan pengharapan, akan diampunkan segala dosa-dosanya yang terdahulu” – Riwayat al-Bukhari dan Muslim

Pelan Khairat Kematian Berkelompok BAIS telah diadakan dengan kerjasama Syarikat Takaful Malaysia

Penyertaan adalah terbuka kepada semua ahli BAIS dan keluarga. Kadar bayaran tertentu mengikut pelan pilihan dikenakan bagi tempoh sekali setahun. Pada tahun 2016, bermula dari tempoh 1 Februari 2016 sehingga 31 Januari 2017, seramai 116 penyertaan diterima terdiri dari 51 ahli BAIS dan selebihnya adalah ahli keluarga masing-masing.





Majlis Bacaan Doa Selamat dan Ceramah Agama Sempena Hari Arkib

Majlis Bacaan Doa selamat dan Ceramah Agama merupakan program tahunan Jabatan yang diadakan sempena Sambutan Hari Arkib. Bagi Sesi 2016, majlis ini telah diadakan 28 November 2016.

Majlis Korban Hari Raya Aidil Adha

Majlis Korban Hari raya Aidil Adha merupakan aktiviti BAIS yang diadakan setiap tahun. Bagi sesi 2015 - 2017, Majlis Korban telah diadakan pada 17 Oktober 2016. Majlis Korban ini turut diadakan bersekali dengan Akikah. Daging korban diagihkan kepada kakitangan Arkib Negara selain turut diadakan jamuan. Jamuan disediakan secara bergotong-royong oleh kakitangan wanita

Pembukaan Kaunter Bayaran Zakat Fitrah

BAIS turut mengambil inisiatif bekerjasama dengan Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan menyediakan kaunter bayaran Zakat Fitrah di Arkib Negara bagi memudahkan kakitangan Arkib Negara untuk membayar zakat fitrah. Bagi sesi 2016, kaunter bayaran Zakat Fitrah telah dibuka pada 17 Julai 2016.

